



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KOD KURSUS	:	DSM3123
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2017
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Jelaskan **lima (5)** punca kemalangan di tempat kerja.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Bincangkan **lima (5)** strategi menangani gangguan seksual di tempat kerja.

(10 markah)

**SOALAN 3**

a. Senaraikan **empat (4)** tujuan pembentukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

(4 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** peranan pekerja dalam menjamin keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam organisasi.

(6 markah)

**SOALAN 4**

a. Berikan definisi bagi perkataan berikut:

- i. Hazard
- ii. Risiko
- iii. Bahaya

(6 markah)

b. Terangkan **dua (2)** jenis hazard yang anda ketahui

(4 markah)

**SOALAN 5**

a. Senaraikan **empat (4)** tanda utama penagihan dadah dalam kalangan pekerja.

(4 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** kesan alkohol yang tidak terkawal ke atas diri pekerja.

(6 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.  
Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Cik Diana merupakan seorang pekerja di syarikat Seri Bahagia dan juga merupakan pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Oleh itu, anda diminta untuk membincangkan latar belakang, fungsi, tujuan serta skim keselamatan sosial yang ditawarkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memberi pemahaman yang jelas kepada Cik Diana sebagai pencarum agensi tersebut.

(10 markah)

- b. Konsep amalan 5S telah diperkenalkan di Malaysia pada pertengahan tahun 1980. Amalan 5S ini ialah kaedah atau alat pengurusan yang boleh mewujudkan tempat kerja yang berkualiti, selesa, kemas dan selamat di dalam organisasi. Oleh itu, huraikan **lima (5)** prinsip amalan 5S dalam organisasi di Malaysia.

(15 markah)

**SOALAN 2**

- a. Encik Naqib merupakan seorang pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di syarikat yang menjalankan aktiviti kejuruteraan yang berisiko kepada situasi kecemasan. Oleh itu, senaraikan **lima (5)** komponen penting dalam tindakan kecemasan dan ilustrasikan pengkelasan kecemasan berdasarkan tahap tindakan kecemasan yang perlu diambil oleh Encik Naqib jika berlaku kecemasan di tempat kerja beliau.

(15 markah)

- b. Pertolongan cemas ialah bantuan segera atau rawatan kecemasan yang diberikan untuk orang tercedera sebelum mendapatkan bantuan atau perawat yang bertauliah. Oleh itu, peti pertolongan cemas dilihat sebagai keperluan utama yang perlu digunakan apabila berhadapan dengan situasi kecemasan. Huraikan **lima (5)** peralatan asas di dalam peti pertolongan kecemasan dan kegunaannya.

(10 markah)

### SOALAN 3

- a. Pengurusan keselamatan dan kesihatan merupakan suatu tugas yang penting yang harus dipikul oleh majikan atau pengurusan sesebuah organisasi. Selain itu, persekitaran kerja yang selamat dan sihat memainkan peranan penting dalam menjamin keajikan pekerja dan juga peningkatan produktiviti dalam menjalankan tugas. Oleh itu, huraikan **lima (5)** kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang anda ketahui.

(10markah)

- b. Ergonomik adalah suatu kajian sains yang merangkumi penggunaan maklumat mengenai kelakuan, had dan kemampuan manusia serta ciri-ciri lain untuk mereka bentuk sistem, mesin, alatan, persekitaran dan lain-lain supaya produktif, selamat dan selesa serta efektif untuk penggunaan manusia. Oleh itu, huraikan **lima (5)** prinsip ergonomik yang perlu diberi perhatian dalam memelihara keselamatan dan kesihatan pekerja.

(15 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT